

TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR
MAJLIS SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN 2006
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)

TEMPAT:
BANGUNAN AKADEMIK, KAMPUS INDUSTRI
AYER KEROH, MELAKA

TARIKH :
17 OGOS 2006

TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR SEMPENA
SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN 2006 DI
BANGUNAN AKADEMIK, KAMPUS INDUSTRI PADA
17 OGOS 2006.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WRB. WBKTH DAN SALAM
SEJAHTERA

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,
TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN
PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN
MOHAMAD DIAH,
TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN &
PENGKOMERSILAN / INOVASI)

Y.BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI, DEKAN-
DEKAN, KETUA-KETUA JABATAN, STAF-STAF
UNIVERSITI

YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
DAN BARISAN EXCO

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI
SEKALIAN,

ALHAMDULILAH BERSYUKUR KITA KE HADRAT
ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAN RAHMATNYA
DAPAT KITA BERKUMPUL PADA HARI INI BAGI
MENYEMPURNAKAN MAJLIS KEMPEN JALUR

GEMILANG SEMPERNA SAMBUTAN BULAN
KEMERDEKAAN PERINGKAT KUTKM 2006.

MARILAH KITA MENGUCAPKAN RASA KESYUKURAN
YANG TIDAK TERHINGGANYA TERHADAP ALLAH
SWT KERANA TELAH MENGURNIAKAN KEPADA KITA
SUASANA KEAMANAN, KEHARMONIAN DAN
KESEJAHTERAAN HIDUP DI SEBUAH NEGARA YANG
BEBAS, MERDEKA DAN BERDAULAT INI, IAITU
MALAYSIA YANG TERCINTA.

PADA 31 OGOS 2006 INI GENAPLAH NEGARA KITA
MENYAMBUT KEMERDEKAANNYA UNTUK KALI KE
49. KITA HARUS BERASA BANGGA DAN BERSYUKUR
KERANA NEGARA KITA MASIH TETAP UTUH
MENGEKALKAN KEDAULATANNYA. KEDAULATAN
YANG KITA NIKMATI INI TELAH MEMBOLEHKAN
NEGARA KITA MEMBANGUN DENGAN PESATNYA.
INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM YANG

BAIK DAN CANGGIH TELAH DISEDIAKAN OLEH
KERAJAAN DENGAN CEMERLANG SEKALI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI
SEKALIAN,

SEBELUM MERDEKA TAHAP PENDIDIKAN
PENDUDUK MALAYSIA AMAT MENYEDIHKAN.
PRASARANA ATAU INFRASTRUKTUR INSTITUSI
PENDIDIKAN KHUSUSNYA DI SEKOLAH-SEKOLAH
RENDAH DAN MENENGAH AMAT DAIF. SEKOLAH-
SEKOLAH TERSEBUT BERBUMBUNGAN ZING ATAU
ATAP NIPAH. BUKU-BUKU RUJUKAN AMAT SUKAR
DIPEROLEHI.

MALAH, PADA ZAMAN KOLONIAL TIADA LANGSUNG
DITUBUHKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI YANG
MENAWARKAN KURSUS UNTUK PERINGKAT
TINGGI. MATLAMAT PEMERINTAH BRITISH ATAU

KOLONIAL ADALAH UNTUK MENYEDIAKAN PENDIDIKAN KEPADA PENDUDUK TANAH MELAYU HANYA SETAKAT MEMBOLEHKAN MEREKA MENJADI PETANI DAN NELAYAN SAHAJA.

HARI INI, SEBANYAK 17 IPTA TELAH DITUBUHKAN DAN RATUSAN KOLEJ DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA TELAH BEROPERASI. MALAH, RAMAI PEMUDA DAN PEMUDI MALAYSIA TELAH DIHANTAR MELANJUTKAN PENDIDIKAN MEREKA KE LUAR NEGARA SAMA ADA DI EROPAH, AMERIKA SYARIKAT, JEPUN, KOREA, AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND. PELUANG KEEMASAN INI HANYA DAPAT DINIKMATI OLEH PENDUDUK DAN RAKYAT YANG TINGGAL DI NEGARA YANG BEBAS, AMAN DAN MERDEKA SEPERTI NEGARA KITA INI.

DEMIKIAN JUGA DALAM ASPEK EKONOMI, SETELAH NEGARA KITA MENCAPAI KEMERDEKAAN EKONOMI NEGARA MALAYSIA BERKEMBANG DENGAN PESAT

SEKALI. KDNK BERKEMBANG PADA KADAR 6 – 10% SETAHUN. KINI PENGUKUHAN MATAWANG RINGGIT MALAYSIA MENINGKAT BERBANDING DOLAR AMERIKA. PENGAGIHAN EKONOMI YANG SEIMBANG TELAH DILAKSANAKAN. KADAR PENGANGGURAN DAN JURANG KEMISKINAN DAPAT DIKURANG. PEMBASMIAN KEMISKINAN SENTIASA DITITIKBERATKAN. SEHINGGA MENCAPAI MATLAMAT PENDUDUK MALAYSIA MAJU DAN MAKMUR MENJELANG TAHUN 2020. IA AKAN DAPAT DICAPAI SEKIRANYA KITA MASIH DAPAT MENGEKALKAN KEAMANAN DAN KEMERDEKAAN KITA.

HADIRIN – HADIRAT YANG DIHORMATI,

SEBELUM NEGARA KITA MERDEKA PADA TAHUN 1957, NEGARA KITA MALAYSIA TELAH DIBELENGU OLEH PENJAJAHAN BANGSA ASING SEMENJAK KEJATUHAN MELAKA KEPADA PORTUGIS PADA

1511. SELEPAS ITU PENJAJAHAN KE ATAS TANAH MELAYU BERTERUSAN DAN SILIH BERGANTI DI ANTARA INGGERIS, BELANDA DAN JEPUN.

RAKYAT MALAYSIA (TANAH MELAYU) DIJAJAH SELAMA LEBIH 446 TAHUN OLEH PELBAGAI BANGSA PENJAJAH BERKENAAN. MARUAH, HARGA DIRI, KEBEBASAN, HAK DAN KEDAULATAN NEGARA BANGSA DITENTUKAN OLEH BANGSA PENJAJAH.

KITA HARUS SEDAR BAHAWA BANGSA YANG DIJAJAH ADALAH BANGSA YANG DIPERINTAH. PEMERINTAH KEPADA BANGSA YANG DIJAJAH ADALAH KUASA ASING YANG BERTINDAK SEBAGAI PENAKLUK. PEMERINTAH MEMILIKI MARTABAT YANG TINGGI SEDANGKAN BANGSA YANG DIJAJAH DIANGGAP HINA DAN DIPINGGIRKAN. KEDAULATAN DAN PERLEMBAGAAN NEGARANYA DIROBEK ATAU DIHAPUSKAN.

HALA TUJU DAN MASA DEPAN NEGARA DIJAJAH DITENTUKAN OLEH BANGSA PENJAJAH BERKENAAN. FENOMENA KEDURJANAAN YANG DILAKUKAN OLEH KUASA PENJAJAH INI JELAS DIBUKTIKAN DI HADAPAN MATA KITA. PERISTIWA KESENGSARAAN HIDUP YANG TERCETUS DI KALANGAN BANGSA IRAQ, PALESTIN DAN AFGANISTAN JELAS MENGGAMBARAKAN BETAPA TINGGINYA NILAI DAN HARGA SEBUAH KEMERDEKAAN. RAKYAT DI NEGARA-NEGARA BERGOLAK TERSEBUT HIDUP SENGSARA DAN MENDERITA.

HADIRIN – HADIRAT YANG DIHORMATI,

INGATLAH, NEGARA KITA SUATU KETIKA DAHULU HAMPIR MUSNAH KEMERDEKAANNYA KERANA PERISTIWA RUSUHAN KAUM YANG BERLAKU PADA 13 MEI 1969. RUSUHAN KAUM YANG TERCETUS

AKIBAT PERTELINGKAHAN POLITIK DAN SENTIMEN PERKAUMAN.

PERISTIWA TERSEBUT TELAH MERAGUT NYAWA RAKYAT MALAYSIA. PERISTIWA TERSEBUT ADALAH SEJARAH HITAM DAN BERDARAH DALAM KEHIDUPAN RAKYAT MALAYSIA YANG SEBELUMNYA HIDUP DALAM AMAN DAMAI DAN SENTOSA. APAKAH KITA SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA YANG MEMPUNYAI NILAI INTEGRITI DAN SEMANGAT PATRIOTISME TINGGI, SANGGUP MENGULANGI PERISTIWA BERDARAH TERSEBUT?

HADIRIN – HADIRAT YANG DIHORMATI,

KITA HARUS MENYEDARI AKAN KEPERITAN MENUNTUT KEMERDEKAAN DAN MENENTANG PENCEROBOHAN BANGSA ASING OLEH PEJUANG-PEJUANG TANAH AIR SEPERTI TOK JANGGUT, TOK

BAHAMAN, DATUK MAHARAJA LELA, RENTAP DAN SEBAGAINYA. ADA ANTARA MEREKA TERKORBAN KETIKA MENENTANG PENCEROBOHAN INI.

BEGITU JUGA PERJUANGAN MENUNTUT KEMERDEKAAN OLEH ALMARHUM TENGGU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ DAN RAKAN-RAKAN HARUS DISANJUNG DAN DIKENANG JASANYA SEHINGGA BILA-BILA. MAKA, KITA BERDIRI DAN BERHIMPUN DI PERKARANGAN KAMPUS INDUSTRI KUTKM INI ADALAH SIMBOLIK UNTUK MENUNJUKKAN BETAPA KITA JUGA BERSEMANGAT WAJA DAN BERANI MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN DAN KEMERDEKAAN NEGARA INI PADA BILA-BILA MASA SAHAJA.

HADIRIN – HADIRAT YANG DIHORMATI,

HARI INI KITA BERSYUKUR KERANA NEGARA KITA TELAH MENDAPAT KEMERDEKAANNYA SELEPAS MELALUI PELBAGAI RINTANGAN UNTUK BEBAS DARI BELENGGU PENJAJAHAN. LAUNGAN MERDEKA OLEH TENGKU ABDUL RAHMAN AL HAJ MENANDAKAN DETIK KEMBALINYA MARUAH DAN KEBEBASAN NEGARA DAN BANGSA.

RAKYAT MALAYSIA MENUNGGU DENGAN PENUH HARAPAN SAAT TURUNNYA BENDERA UNION JACK DAN BERKIBARNYA BENDERA MALAYSIA YANG KEMUDIANNYA DISUSULI DENGAN TERIAKAN MERDEKA ! MERDEKA ! MERDEKA ! OLEH SELURUH WARGA MALAYSIA.

KITA MENUNGGU BERABAD LAMANYA IAITU LEBIH 400 TAHUN UNTUK MENGIBARKAN BENDERA MALAYSIA YANG DIKENALI SEKARANG SEBAGAI JALUR GEMILANG KERANA ITULAH LAMBANG

MARUAH DAN KEDAULATAN NEGARA YANG DITEGAKKAN KEMBALI DENGAN MEGAHNYA.

HADIRIN – HADIRAT YANG DIHORMATI,

MASA BERLALU DAN DETIK LAUNGAN KEMERDEKAAN TELAH SEMAKIN SUNYI. GENERASI HARI INI TIDAK MERASAI PAHIT GETIR PENJAJAHAN NEGARA. WARGA MALAYSIA YANG DILAHIRKAN SELEPAS MERDEKA MENIKMATI KEHIDUPAN YANG SELESA. MEREKA TIDAK MERASAI KEPERITAN MAKAN UBI KAYU MAHUPUN BERLAPAR KERANA TIADA MAKANAN.

GENERASI MUDA HARI INI HIDUP DALAM KEHIDUPAN YANG SERBA MEWAH DAN MAJU BERBANDING KETIKA ZAMAN PENJAJAHAN. PELUANG PEKERJAAN DAN PENDIDIKAN TERBENTANG LUAS KEPADA MEREKA. NAMUN

PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN MATERIAL YANG PESAT DALAM NEGARA KADANG KALA MELEKAKAN GENERASI MUDA.

RAMAI ANTARA MEREKA TIDAK MENGHARGAI KEBEBASAN YANG DIPERJUANGKAN OLEH PENJUANG KEMERDEKAAN. SEMANGAT PATRIOTISMA SEMAKIN LUNTUR. BUDAYA BARAT MULA MENJAJAHI PEMIKIRAN PARA REMAJA. PENJAJAHAN PEMIKIRAN BARAT TERHADAP REMAJA TELAH MENGHAKISKAN RASA KECINTAAN KEPADA NEGARA.

HADIRIN – HADIRAT YANG DIHORMATI

MARILAH HARI INI KITA MENOLEH APA YANG BERLAKU KEPADA DUNIA SEKELILING KITA SUPAYA KITA SENTIASA BERSYUKUR DENGAN NIKMAT KEMERDEKAAN DAN BANGGA MENGIBARKAN

JALUR GEMILANG TIDAK SAHAJA KETIKA MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN TETAPI JUGA PADA SETIAP MASA.

PADA SAAT INI KITA MELIHAT BAGAIMANA NEGARA LUBNAN DI BEDIL OLEH TENTERA ISRAEL. RAKYAT LUBNAN HIDUP DALAM KETAKUTAN DAN PENDERITAAN. RIBUAN RAKYAT TERBUNUH YANG KEBANYAKANNYA ADALAH WANITA DAN KANAK-KANAK. KEMERDEKAAN NEGARNYA DICABULI DAN RAKYAT HIDUP MENDERITA. BANGUNAN-BANGUNAN MUSNAH DAN KEHIDUPAN RAKYAT JADI MELARAT.

HADIRIN – HADIRAT YANG DIHORMATI

OLEH SEBAB ITULAH KITA HARUS MENYATAKAN KESYUKURAN KITA DI ATAS NIKMAT KEMERDEKAAN YANG DIKURNIAKAN OLEH ALLAH.

KITA MENZAHIRKAN KECINTAAN ITU KEPADA NEGARA DENGAN MENGIBARKAN BENDERA KEBANGSAAN SEPANJANG BULAN KEMERDEKAAN INI. IA BUKANLAH SESUATU YANG SUKAR DAN TIDAK MENUNTUT KEPADA PENGORBANAN NYAWA DAN WANG RINGGIT.

UNTUK ITU, SAYA MENYERU KEPADA SEMUA AGAR MENGAMBIL PENGAJARAN TENTANG APA YANG BERLAKU DI SEKELILING KITA DAN BERSYUKURLAH MENJADI RAKYAT YANG MERDEKA. KIBARLAH BENDERA MALAYSIA SEADANYA DAN PERTAHANKANLAH KEMERDEKAAN ITU SELAMANYA.

AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA DEKAN BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI, KUTKM SERTA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT SAMA ADA SECARA LANGSUNG MAHUPUN TIDAK LANGSUNG DALAM

MENJAYAKAN MAJLIS KIBARKAN JALUR GEMILANG SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN 2006 INI DENGAN JAYANYA.

SEKIAN, WABILLA HITAUFIK WALHIDAAYAH
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.